

MSM SAMBUT BAIK PENJELASAN KEMENTERIAN KEWANGAN TENTANG MEKANISME PENGECUALIAN SST UNTUK GULA MENTAH

KUALA LUMPUR, 20 JUN 2025 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis nasional "Gula Prai", menyambut baik penjelasan tepat pada masanya yang dikeluarkan hari ini oleh Kementerian Kewangan berhubung Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas import gula mentah. Kenyataan Kementerian mengesahkan bahawa walaupun SST 5% akan dikenakan kepada gula mentah - bahan utama untuk penghasilan gula bertapis – pihak pengilang gula bertapis boleh memohon pengecualian cukai di bawah syarat yang ditetapkan.

Penjelasan ini berikutan kenyataan MSM terhadap potensi tekanan kos yang ketara akibat peluasan SST, seperti yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pada 19 Jun 2025. Kumpulan menegaskan bahawa peningkatan kos input ini boleh memberi kesan langsung terhadap struktur harga gula bertapis, yang mungkin mendorong kepada kenaikan harga untuk pembeli industri. MSM menghargai perhatian segera Kementerian Kewangan terhadap perkara ini serta pengesahan mengenai laluan yang tersedia untuk pengeluar gula bertapis yang layak mendapatkan pengecualian. Ini amat penting memandangkan persekitaran operasi yang mencabar, di mana harga runcit gula kekal dikawal pada RM2.85 sekilogram sejak 2011, walaupun kos gula mentah global telah meningkat secara ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Kami amat berterima kasih kepada Kementerian kerana pendekatannya yang responsif dan pragmatik dalam menangani kebimbangan industri. Pengesahan mekanisme permohonan pengecualian memberikan kejelasan dan fleksibiliti yang sangat diperlukan untuk penapis gula seperti MSM. Ini membolehkan kami mengurus kos input secara proaktif dan mengurangkan tekanan segera ke atas harga gula bertapis, sambil terus memenuhi peranan kami dalam rantai bekalan gula negara di bawah rangka kerja harga runcit sedia ada."

Kumpulan terus komited untuk bekerjasama rapat dengan Kerajaan serta semua pihak berkepentingan bagi memastikan gangguan yang minimum kepada rantai bekalan dan penetapan harga yang stabil untuk industri makanan yang penting. Walaupun pengurusan kos input terus menjadi keutamaan, MSM ingin memberi jaminan kepada para pelanggan



dan rakan kongsi bahawa fokus kami terhadap kecekapan operasi dan penetapan harga yang adil akan diteruskan. Kami yakin bahawa pelaksanaan mekanisme pengecualian ini akan memberi impak positif dalam memelihara daya saing sektor pembuatan makanan negara.

-TAMAT

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2024, MSM mengeluarkan sebanyak 1,104,290 MT gula bertapis, di mana 258,932 MT adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 28 Jun 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM830 juta pada 31 Disember 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com